



MEMBERI MAKANAN KEPADA ANJING LIAR SECARA
BERTANGGUNGJAWAB

KATA PENGANTAR

Buku panduan mengenai "Memberi Makanan Kepada Anjing Liar Secara Bertanggungjawab" adalah inisiatif awal daripada Kumpulan Kesejahteraan Haiwan (AWG) yang disokong oleh Perkhidmatan Haiwan & Veterinar (AVS), sebuah kumpulan di bawah Lembaga Taman Negara. Melalui buku panduan ini, diharapkan bahawa kesedaran tentang memberi makanan kepada anjing liar secara bertanggungjawab dapat dipertingkatkan.

Tindakan memberi makanan kepada haiwan liar mungkin dilakukan dengan niat yang baik iaitu memberi makanan kepada haiwan yang dibiarkan untuk mencari makanan dan menjaga diri sendiri. Walau bagaimanapun, sisa makanan yang tidak dibersihkan boleh mendatangkan tikus yang akan menyebabkan infestasi tikus. Memberi makanan kepada anjing liar di tempat yang berhampiran dengan kawasan perumahan atau kawasan yang dilalu-lalangi oleh orang ramai boleh meningkatkan kebarangkalian manusia dan haiwan bersentuhan antara satu sama lain. Pemberian makanan secara bertanggungjawab boleh mengurangkan isu-isu kesihatan awam dan keselamatan secara ketara bagi mewujudkan persekitaran yang lebih baik untuk manusia dan haiwan hidup bersama dengan aman dan damai.

Memberi makanan kepada haiwan secara berkala juga berfungsi sebagai sumber pemberian makanan yang berterusan. Dalam jangka masa panjang, populasi haiwan liar akan meningkat sekiranya haiwan-haiwan tersebut tidak disterilkan. Oleh itu, haiwan liar lazimnya hidup dalam keadaan yang kurang baik. Atas sebab ini, AVS dan AWG akan bekerjasama dengan masyarakat untuk mensterilkan haiwan liar yang diberikan makanan dan dijaga melalui program pensterilan di seluruh negara (iaitu program Trap-Neuter-Release-Manage (TNRM) untuk anjing liar dan Program Sterilisasi Kucing Jalanan (SCSP)). Usaha-usaha pensterilan dan mencari tempat tinggal yang baru untuk haiwan liar akan membantu dalam pengurusan mengawal pertumbuhan populasi dan penyediaan tempat tinggal yang lebih baik untuk haiwan. Kami menggesa semua pemberi makanan kepada haiwan agar bekerjasama dengan AWG untuk mensterilkan haiwan liar.

Untuk butiran lebih lanjut dan maklumat hubungan AWG yang terlibat dalam penghasilan Buku Panduan ini, sila rujuk pada halaman belakang Buku Panduan ini.

*Catatan:

1. Memandangkan pemberian makanan kepada haiwan mungkin mendatangkan kesan kepada kawasan yang sensitif dari segi ekologi atau biologi, pemberian makanan kepada haiwan liar di rizab alam semulajadi, taman alam semulajadi dan taman awam adalah dilarang di bawah Akta Taman dan Pokok, kecuali jika kebenaran telah diperolehi.
2. Memberi makanan kepada burung merpati adalah dilarang oleh undang-undang Singapura di bawah Akta Haiwan & Burung (Peraturan Burung Merpati).
3. Memberi makanan secara tidak bertanggungjawab boleh dianggap sebagai perbuatan membuang sampah secara merata-rata. Perbuatan ini adalah dilarang oleh undang-undang.

BAGAIMANA MENJADI SEORANG PEMBERI MAKANAN KEPADA ANJING LIAR YANG BERTANGGUNGJAWAB



Tujuan kami adalah untuk mendidik pemberi makanan kepada anjing liar agar mengamalkan pemberian makanan yang baik.

Jika anda merupakan seorang pemberi makanan yang bertanggungjawab, sila berikan buku panduan ini kepada pemberi makanan yang lain untuk menyebarkan mesej tentang pemberian makanan secara bertanggungjawab. Anda juga boleh memberikan buku panduan ini kepada orang awam untuk mendidik mereka tentang "Apakah yang boleh dilakukan" dan "Apakah yang tidak boleh dilakukan" semasa memberi makanan kepada anjing liar.



Memberi makanan kepada anjing liar tidak salah di sisi undang-undang kecuali jika dilakukan di Rizab Alam Semulajadi, Taman Alam Semulajadi dan Taman Awam dan kebenaran telah diperolehi.

Bagaimana jika pemberi makanan tidak mengamalkan amalan yang bertanggungjawab semasa memberi makanan kepada anjing liar?

Membuang atau meninggalkan makanan tanpa pengawasan, untuk diberi kepada anjing liar adalah tindakan yang tidak bertanggungjawab. Ini boleh mendatangkan lalat dan tikus yang boleh menyebarkan penyakit yang berjangkit. Membiarkan air bertakung di dalam bekas tanpa niat untuk membersihkannya kelak boleh menyebabkan pembiakan nyamuk.

Perkara di atas boleh menyebabkan orang awam mengadu tentang isu-isu ketidakselesaan, kesihatan dan kebersihan. Sila bersihkan tempat berkenaan selepas memberi makanan.



Pemberian makanan di rizab alam semulajadi, taman alam semulajadi dan taman awam adalah dilarang.

Meninggalkan makanan tanpa pengawasan boleh mengakibatkan pemberian makanan kepada haiwan liar, dan ini adalah dilarang.

Sekiranya anda dipertikaikan atas apa-apa sebab mengenai pemberian makanan, jelaskan dengan sopan bahawa anda memberi makanan secara bertanggungjawab dan anda akan membersihkan sisa makanan yang tidak dimakan oleh anjing liar. Jangan terlibat dalam apa-apa pertengkaran. Cuba selesaikan masalah secara aman terlebih dahulu. Anda boleh mendapatkan bantuan polis sebagai langkah terakhir.

Diingatkan bahawa amalan memberi makanan secara tidak bertanggungjawab (contohnya orang yang tidak membersihkan kawasan tersebut setelah memberi makanan atau memberi makanan di kawasan yang berbahaya) boleh menyebabkan aduan dibuat terhadap anjing tersebut, dan menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat mengenai kesihatan dan keselamatan awam. Keadaan ini boleh menyebabkan penyingkiran anjing.



Pemberi makanan yang tidak mematuhi undang-undang atau peraturan-peraturan khusus sesebuah taman atau rizab alam semula jadi boleh dikenakan hukuman ke atas tindakan mereka.

Sekiranya amalan memberi makanan secara tidak bertanggungjawab dilakukan dengan berterusan dan menjaskannya keselamatan orang awam, anda boleh melaporkannya kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan.

Sebelum melaporkan kepada pihak berkuasa, anda boleh mempertimbangkan langkah-langkah berikut:

- Membuktikan bahawa makanan telah ditinggalkan oleh pemberi makanan yang tidak bertanggungjawab dengan mengemukakan bukti sokongan seperti gambar atau video yang merekodkan tindakan memberi makanan yang tidak bertanggungjawab tersebut.




CARA MEMBERI MAKANAN

Awasi anjing semasa memberi makanan, dan bersihkan kawasan tersebut setelah selesai. Walau bagaimanapun, ada masanya pengawasan tidak dapat dilakukan, contohnya

- Anjing tersebut pemalu dan tidak ingin mendekati anda;
- Anjing tersebut perlu mengambil bungkusan makanan untuk keluarganya
- Anjing tersebut hanya mahukan hubungan yang minimum dengan manusia



Sebarang sisa makanan atau bekas termasuk mangkuk air yang tidak dibersihkan setelah memberi makanan boleh mengakibatkan kesan yang serius kepada kesihatan awam. Sisa makanan boleh menyebabkan infestasi tikus, dan air hujan yang bertakung di dalam mangkuk air boleh menyebabkan pembiasaan nyamuk.



Itulah sebabnya penting untuk pemberi makanan mengetahui di manakah makanan telah dipindahkan dan membersihkan sisa dan bekas makanan. Sekiranya terdapat kesukaran untuk melakukan sedemikian, pemberi makanan harus mencari langkah penyelesaian alternatif atau berunding dengan pihak berkuasa yang tertentu untuk memastikan aktiviti pemberian makanan ini tidak mengakibatkan infestasi tikus atau pembiasaan nyamuk.

Mangkuk air harus dikosongkan dan dibuang setelah anjing selesai makan dan meninggalkan kawasan tersebut. Sekiranya anda ingin meninggalkan bekas air, air di dalamnya harus ditukar setiap hari untuk mengelakkan pembiasaan nyamuk.

Sebagai amalan yang baik, pemberi makanan boleh meninggalkan nama dan maklumat hubungan sendiri di bekas air. Jika tidak, bekas tersebut akan dianggap sebagai sampah dan pemberi makanan akan mungkin dipersalahkan atas sebab membuang sampah sembarangan.



Bila dan di mana pemberian makanan harus dilakukan?

Pemberi makanan harus cuba mengurangkan konflik antara manusia dan anjing. Elakkan kawasan yang boleh membahayakan manusia dan anjing. Oleh itu, pemberi makanan dinasihatkan supaya: -

- Memberi makanan pada waktu dan tempat yang tetap;
- Memberi makanan di tempat yang sunyi dan jauh dari tempat yang dilalu-lalangi oleh orang ramai dan kenderaan;
- Memberi makanan di kawasan yang jauh darikawasan di mana anjing akan mula menjaga tempat makannya, contohnya laluan jalan kaki.



Apakah makanan yang boleh diberikan?



Pemberi makanan haruslah mempertimbangkan untuk memberikan

- Jenis makanan yang tidak akan menyebabkan kekotoran; dan
- Makanan yang seimbang dari segi zat dan sihat untuk anjing kerana makanan yang berkualiti rendah boleh menyebabkan masalah kesihatan kepada anjing.

Apakah bantuan lain yang boleh anda berikan?

Selain daripada memberi makanan secara bertanggungjawab, anda juga boleh membantu anjing liar dengan cara-cara yang berikut:



1. Mencari tempat tinggal yang baru

- Pindahkan anjing liar dari jalanan dan carikkan tempat tinggal yang sesuai dan kekal.
- Pastikan anjing yang dipindahkan itu dipasang dengan cip mikro, dilesenkan dan disterilkan.

2. Sterilisasi

Sterilisasi anjing liar adalah penting.

- Mensterilkan anjing dapat mencegah pembiakan anak anjing yang tidak diingini. Ini juga bermaksud jumlah anjing liar akan berkurangan.
- Periksa sama ada anjing telah disterilkan. Jika tidak, bawa anjing tersebut untuk disterilkan.
- Ingatlah untuk menyepitkan telinga anjing yang telah disterilkan agar sesiapa yang membantu anjing tersebut tahu bahawa ia telah disterilkan.
- Lebih baik untuk memasang cip mikro pada anjing untuk mudah dikesani.

3. Anjing yang cedera atau sakit

- Sekiranya anjing sakit atau cedera, bawa anjing tersebut untuk berjumpa dengan doktor haiwan dan dapatkan rawatan.
- Jika hanya kecederaan ringan atau kesakitan yang boleh dirawati dengan mudah, berikan ubat yang sesuai sehingga anjing tersebut sembah.



4. Penangkapan

- Sekiranya anda tidak dapat menangkap anjing untuk mendapatkan sterilisasi atau rawatan perubatan, dapatkan seorang pakar sukarelawan atau dapatkan kerjasama Kumpulan Kesejahteraan Haiwan (AWG) yang disenaraikan dalam brosur ini. Mereka dapat membantu anda berdasarkan syarat-syarat yang telah dipersetujui terlebih dahulu.





<http://wwwanimalloversleague.com/>



<http://asdsingapore.com/wp/>



<https://www.causesforanimals.com/>



<http://wwwnoahsarkcares.com/>



<https://www.facebook.com/exclusivelymongrels/>



<http://mercylight.wixsite.com/mercylight>



<http://www.oscas.sg/>



www.purelyadoptions.com



<http://wwwspca.org.sg>



<http://sosd.org.sg/>

Disokong oleh:

